

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2009**

=====

**DASAR PEROLEHAN HARTANAH KEPADA WARGANEGARA ASING
BAGI TUJUAN BANGUNAN KEDIAMAN**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri terhadap dasar perolehan hartanah kepada warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. MMK.No.2/9/2009 bertarikh 25 Mac 2009 yang telah disahkan pada 1 April 2009 telah bersetuju meluluskan cadangan dasar perolehan hartanah oleh warganegara asing/penduduk tetap bagi tujuan bangunan kediaman di negeri Selangor yang melibatkan perubahan kepada paras harga (*threshold*) hartanah yang terlibat.

3. PARAS HARGA BARU

3.1. Paras harga baru bagi hartanah yang boleh dimiliki oleh warganegara asing/penduduk tetap di negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i) Kadar minimum perolehan hartanah oleh warganegara asing bagi rumah kediaman dipinda daripada paras harga RM150,000.00 ke atas kepada paras harga RM500,000.00 ke atas seunit;
- ii) Kadar minimum perolehan hartanah oleh penduduk tetap yang berkahwin dengan warganegara Malaysia bagi rumah kediaman dipinda daripada RM60,000.00 keatas kepada melebihi RM250,000.00 seunit;

4. PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEPUTUSAN

4.1. Warganegara asing/syarikat asing/penduduk tetap yang telah membeli hartanah kurang daripada RM500,000.00 sebelum berkuat kuasanya kelulusan ini tidak tertakluk kepada syarat-syarat ini.

4.2. Keputusan MMKN Bil. 1/2007 berkaitan dengan penurunan kuasa kepada Pengarah Pejabat Tanah Galian (PTG) bagi memutuskan permohonan oleh warganegara asing/penduduk tetap adalah tidak berubah.

Bil. (1) dlm.PTGS/CR01/00/2000 Jld.3 (SMT)

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

T.T

(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 1 Jun 2009